

CNS9590

U GB 28-07 00144 BA368

aab

Mahathir - Kekayaan

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada makna bagi rakyat berebut kekayaan negara sedangkan mereka tidak bekerjasama meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri berkata pertumbuhan ekonomi yang pesat amat diperlukan agar rakyat terus menikmati kekayaan negara, lebih-lebih lagi ketika bilangan mereka semakin bertambah.

'Kadar pertumbuhan ekonomi itu haruslah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan penduduk supaya rakyat tidak menjadi miskin pada masa depan, katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung MCA kali ke-38 di sini.

+Adalah lebih baik kita membahagi-bahagikan kekayaan yang bertambah daripada kita berebut-rebut apa yang ada sehingga mencetuskan rusuhan dan ketidakstabilan yang mengakibatkan kemerosotan ekonomi,+ katanya:

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian mengenai pertumbuhan penduduk di negara ini daripada tujuh juta semasa mencapai kemerdekaan dahulu kepada 18.6 juta sekarang. -- Lagi

♥28/07/15-27MST

CNS9591

U GB 28-07 00174 BA369

aab

Mahathir - Kekayaan 2 Kuala Lumpur

Katanya, jika rakyat pada masa itu ghairah berebut kekayaan negara manakala pertumbuhan ekonomi tidak ada, sudah pasti keadaan hidup pada masa ini lebih merosot.

+Mengikut perhitungan kerajaan, pada tahun 2050 penduduk Malaysia akan meningkat kepada 70 juta dan ini bermakna kita harus bekerja keras untuk meningkatkan kekayaan negara kita supaya taraf hidup tidak turun akibat daripada pertambahan penduduk,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut mengenai beberapa negara bekas jajahan negara-negara barat yang menjadi miskin kerana terlalu ghairah membahagikan kekayaan dengan melupakan pertumbuhan ekonomi.

+... setelah dibahagi-bahagikan kekayaan yang ada, maka disingkirkan segala pengurus dari luar negeri dan ini menyebabkan tidak ada pertumbuhan ekonomi lagi dan penduduk menjadi lebih miskin,+ katanya.

Beliau menggesa rakyat di negara ini mengekalkan kestabilan politik supaya kerajaan boleh menumpukan kepada pembangunan negara dan memberikan lebih banyak kekayaan kepada rakyat.

'Untuk itu, beliau menggesa semua pihak berusaha gigih untuk menjayakan Dasar Pembangunan Nasional, Rancangan Malaysia Keenam dan Wawasan 2020. -- Bernama

♥28/07/15-28MST